

ELEMEN KEBOLEHKERJAAN PELAJAR LEPASAN DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBINAAN KOLEJ VOKASIONAL DI MALAYSIA

*Siti Nur Madeehah Ismawi¹
Mohamad Izzuan Mohd Ishar^{2*}*

^{1,2*}Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan
Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor, MALAYSIA

¹sitinurmadeehah@graduate.utm.my; ²m.izzuan@utm.my

ABSTRAK

Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) sejak 2013 merupakan usaha penjanaan semula (reengineering) sistem pendidikan vokasional yang sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu menerusi Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Antara aspek yang dicakupi dalam KSKV adalah kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran berpasukan. Akan tetapi, aspek kebolehkerjaan tidak dinyatakan dengan jelas di Kolej Vokasional bertujuan untuk menarik minat pelajar mempelajari kemahiran dan mengubah persepsi masyarakat umumnya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti elemen kemahiran kebolehkerjaan bagi kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional. Kajian ini dijalankan untuk meneroka elemen kemahiran yang diperlukan dalam industri pembinaan dengan menggunakan kaedah tinjauan gabungan penerokaan bermula dengan kaedah kualitatif analisa dokumen dan diikuti dengan temu bual bersama 6 orang responden yang terdiri daripada 2 orang tenaga pengajar kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional, 2 orang majikan industri dari sektor kerajaan dan 2 orang majikan industri dari sektor swasta. Kemudian, kajian diteruskan dengan kaedah kuantitatif soal selidik yang diberikan kepada 3 orang responden yang terdiri daripada pakar kompetensi, penyelaras program Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional serta majikan industri pembinaan bagi mengesahkan elemen kemahiran kebolehkerjaan yang diperoleh menerusi temubual. Dari data kualitatif yang telah dianalisa, lima domain kebolehkerjaan yang terdiri daripada kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat, kemahiran memahami budaya serta kemahiran teknikal telah dikenal pasti dan disenaraikan dalam bentuk jadual elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan. Data kualitatif kemudiannya digunakan bagi menghasilkan satu instrumen pengesahan yang telah dinilai dengan menggunakan statistik kappa. Dapatkan kajian diharap akan dapat dijadikan panduan untuk memperbaiki pelaksanaan kemahiran kebolehkerjaan secara khusus dan proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Vokasional dalam Modul Akademik dan Vokasional.

Kata kunci: kebolehkerjaan, graduan kolej vakasional, industri pembinaan

1. PENGENALAN

TVET adalah aspek proses pendidikan yang melibatkan pengeluaran kemahiran teknologi, sikap dan maklumat yang berkaitan dengan pihak dalam pelbagai sektor kehidupan ekonomi dan sosial serta pendidikan umum termasuk penyelidikan teknologi dan sains yang berkaitan (UNESCO dan ILO, 2001). TVET selalu diletakkan kepada pilihan kedua yang hanya memenuhi syarat dari segi pencapaian akademik bagi individu yang kurang berasas baik di dalam bidang akademik di Sekolah Menengah biasa (Datuk Razali Ibrahim, 2017). Pada hakikatnya, stigma itu sudah usang kerana majikan pada masa kini mendapat lebih banyak perhatian dari lulusan program TVET. TVET adalah salah satu pemacu utama Inisiatif Malaysia Keselelas untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi dan membayangkan matlamatnya untuk mencapai status negara maju (Kementerian Pengajian Tinggi, 2017). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 telah meletakkan asas bagi TVET untuk mendapat tempat dalam bidang pendidikan yang menawarkan peluang pekerjaan dan pilihan kerjaya yang menarik dan peluang untuk melanjutkan pelajaran. Transformasi TVET Malaysia diharapkan dapat menjadikan graduan TVET memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Semua ibu bapa dan pelajar perlu mengubah persepsi bidang TVET sebagai pengajian kelas kedua (Berita Harian, 2017). Malangnya, tidak semua ibu bapa atau penjaga faham akan kelebihan mengikuti kursus TVET di Kolej Vokasional ini kerana mereka dipengaruhi oleh pandangan masyarakat terhadap anak mereka dan masa depan yang difikirkan akan menjadi gelap kerana pergaulan mereka di Kolej. Akibatnya, minat pelajar-pelajar ini tidak diambil cakna oleh penjaga mereka dan akan menjadi salah satu sebab perubahan sikap dan masa depan mereka kelak. Datuk Razali Ibrahim (2017) berpendapat bahawa mentaliti ibu bapa dan pelajar yang sering menganggap bidang TVET sebagai bidang pengajian kelas kedua, perlu diubah. Beliau juga berpendapat bahawa pemikiran sebegini boleh menjelaskan usaha kerajaan untuk menggunakan tenaga kerja berkemahiran dalam bidang TVET pada masa depan. Pernyataan ini menyokong bahawa stigma dan persepsi negatif masyarakat terhadap graduan Kolej Vokasional dan Institut Latihan di mana mereka akan memperoleh gaji yang rendah apabila memperoleh sesuatu pekerjaan dalam bidang mereka sememangnya perlu diubah. Tambahan pula, graduan TVET ini juga diiktiraf dengan SKM Tahap 3 yang merupakan nilai tambah kepada kemahiran yang sedia ada pada mereka sebagai bukti bahawa mereka sememangnya mampu dan berkemahiran dalam bidang yang mereka ceburi.

Pada era negara sedang membangun ini, masih ada individu-individu dan kelompok masyarakat yang tidak percaya pada kelebihan sekiranya anak-anak mereka memasuki institut kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian, Giat MARA dan Kolej Vokasional terutamanya. Mereka memandang rendah tentang kemampuan kemahiran yang ditawarkan di institut pendidikan kemahiran sebegini. Sikap dan persepsi negatif kepada pelajar-pelajar vokasional sebagai gagal akademik masih susah dihakis dalam kalangan masyarakat. Akibatnya, masa depan anak mereka tidak dicorakkan dengan betul. Selain itu, masih terdapat golongan yang masih tidak mahu menghantar anak mereka ke Kolej Vokasional kerana mereka lemah di dalam bidang akademik. Hal ini akan menyebabkan anak mereka tertekan untuk belajar bidang akademik seiring dengan kemauan ibu bapa mereka sehingga kemauan dan minat mereka yang sebenarnya diabaikan begitu sahaja. Masih ada yang belum tahu bahawa graduan yang mempunyai kemahiran ini mampu untuk mendapatkan gaji yang tinggi sekiranya mereka diberi peluang. Tambahan pula, masyarakat tidak sedar akan tahap kebolehkerjaan sebenar graduan ini sekiranya mereka bersaing di dalam industri.

Kajian ini akan mengenalpasti elemen kebolehkerjaan graduan Kolej Vokasional di dalam industri pada masa kini agar lebih ramai lagi golongan belia yang berkemahiran tinggi dapat dilahirkan. Selain itu, kajian ini dilakukan bagi membuka mata masyarakat tentang kelebihan dan kemahiran sebenar yang dimiliki oleh pelajar-pelajar

Persoalan Kajian

- a) Apakah elemen kemahiran kebolehkerjaan bagi kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional? :
 - i) Apakah domain-domain kebolehkerjaan dalam industri pembinaan melalui analisa dokumen?
 - ii) Apakah elemen-elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan melalui pendapat guru Teknologi Pembinaan Kolej Vokasional dan majikan industri pembinaan?

- b) Apakah elemen kemahiran yang diperlukan dalam industri pembinaan? :
 - i) Apakah elemen kebolehkerjaan bagi kursus Teknologi Pembinaan?
 - ii) Bagaimana untuk mengesahkan elemen-elemen kebolehkerjaan yang diperlukan dalam industri pembinaan?

2. METODOLOGI KAJIAN

Bagi kajian ini, penyelidik menggunakan reka bentuk kajian penyelidikan campuran yang bermula dengan kajian kualitatif dengan kaedah temu bual dan diikuti dengan kajian kuantitatif dengan borang pengesahan bagi memperoleh data-data dan maklumat yang diperlukan. Proses menganalisa bahan bacaan dijalankan pada fasa pertama bertujuan untuk menumpukan kepada topik penyelidikan yang telah dibincangkan bagi mengenal pasti penulisan yang berkaitan yang belum mencapai tahap meluas atau mendalam. Secara ringkasnya, masalah yang dikaji belum lagi jelas dan skopnya masih kabur. Penganalisaan bahan ilmiah secara lebih mendalam bertujuan mengenal pasti proses yang terlibat dalam Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional dan industri pembinaan menerusi pembacaan tesis penyelidikan, jurnal konsep, jurnal penyelidikan, dan buku-buku ilmiah yang didapati dari Perpustakaan Sultanah Zanariah, dan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor serta rujukan pengkalan data internet perpustakaan serta enjin carian atas talian. Noraini (2010) berpendapat bahawa pelbagai jenis dokumen seperti laporan, minit mesyuarat, silibus dan hasil penerbitan yang berkaitan dengan sumber maklumat yang penting digunakan di dalam kajian dokumen.

Temu bual dijalankan bertujuan untuk menjajarkan elemen kemahiran yang diperoleh tentang industri pembinaan yang berkaitan dengan bidang Teknologi Pembinaan. Temu bual bersama pensyarah kursus Teknologi Pembinaan dan majikan-majikan di industri dalam sektor kerajaan dan swasta yang menceburい bidang pembinaan dijalankan untuk meneroka elemen kemahiran berkaitan dengan kajian ini. Kajian awal secara temubual juga dijalankan bagi meneroka isu di dalam industri pembinaan untuk mengukuhkan lagi latar belakang masalah dan menyokong pengenalpastian tujuan kajian. Hasil temu bual pensyarah dan majikan diolah ke bentuk transkrip dan disemak semula oleh responden sebelum ditukar kepada pernyataan sebagai item soal selidik. Populasi dalam penyelidikan ini merupakan pensyarah kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional di Malaysia yang dipilih.

Persampelan rawak mudah digunakan melalui teknik *fishbowl* bagi sampel ini. Populasi kedua yang dipilih adalah majikan-majikan dari industri pembinaan sama ada dalam badan kerajaan ataupun swasta. Persampelan rawak mudah juga digunakan melalui teknik *fishbowl* bagi sampel ini sekiranya pengkaji tidak mengetahui siapa yang harus dipilih sebagai peserta, pengkaji boleh merujuk kepada individu yang pakar dalam bidang pembinaan. Dalam analisis kualitatif ini, kerana tidak adanya senarai individu dalam populasi yang ditentukan, para penyelidik tidak dapat memilih sampel individu dari populasi yang terlibat. Penyelidik menggunakan kaedah persampelan yang bertujuan (*purposive sampling*), bagi melakukan pengumpulan data. Berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan kajian tertentu, persampelan bertujuan digunakan.

Instrumentasi adalah metode penyediaan untuk pengumpulan data melalui prosedur dan keadaan di mana instrumen tersebut ditadbir, termasuk pemilihan dan reka bentuk instrumen (Mok, 2010). Dalam kajian ini, satu kaedah, iaitu penggunaan jenis temu bual untuk pengumpulan data kualitatif digunakan oleh penyelidik untuk mencapai tujuan penyelidikan. Pada peringkat pertama, temu bual membantu penyelidik untuk mendapatkan data langsung dan mendalam (Noraini, 2010). Statistik Cohen Kappa digunakan untuk menguji kesahan kandungan elemen kemahiran di mana melibatkan mata untuk menilai item yang terlibat. Akan tetapi responden tidak mengetahui nilai mata yang akan diberikan terhadap pengekelasan yang dinyatakan. Seterusnya, maklumat-maklumat tersebut akan dianalisa untuk menghasilkan elemen kemahiran pembinaan. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif dilakukan menerusi dua cara. Pertama, protokol temu bual berstruktur yang dihasilkan disemak dan disahkan oleh pensyarah sebelum proses temu bual dijalankan. Setiap komen dan cadangan diterima bagi tujuan penambahbaikan protokol dan kelancaran proses temu bual. Kedua, setiap transkrip temu ramah yang dihasilkan akan disemak semula oleh responden terlibat jika memerlukan penjelasan lebih lanjut. Kesahan boleh dipersoal jika terdapat elemen yang tidak jelas atau tidak dapat menunjukkan bukti kukuh yang terlibat dalam kajian. Dengan merujuk semula hasil analisa dengan responden, dan mereka mengesahkan hasil analisis tersebut akan membantu pengkaji untuk lebih yakin dengan kesahan data yang diperoleh (Nornazira, 2016). Secara teknikalnya, McHugh (2012) menyatakan penilaian dilakukan bagi melihat sejauh mana data yang dikumpulkan dapat mewakili pembolehubah yang betul-betul ingin diukur. Oleh itu, kajian semula subjek dengan menggunakan nisbah kesahan kandungan (CVR) melalui statistik kappa telah dipilih untuk kajian ini.

3. ANALISIS DATA

Keputusan dibahagikan berdasarkan fasa penyelidikan, yang bermula dengan Fasa 1 (Pengumpulan Data Komulatif) dan Fasa 2 (Pengesahan Elemen Kebolehkerjaan). Fasa 1 terbahagi kepada dua sub-fasa iaitu analisa bahan ilmiah bagi melakukan carian literatur yang sesuai untuk menyokong penyelidikan ini dan meneroka domain-domain kebolehkerjaan, manakala temu bual pula dijalankan bagi penyokongan latar belakang masalah di dalam Bab 1 Pengenalan, dan mengenal pasti elemen-elemen kemahiran yang diperlukan bagi mengukur tahap kebolehkerjaan pelajar. Hasil kedua-dua sub-fasa ni akan membentuk senarai elemen-elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan bagi proses pengumpulan data dalam Fasa 2. Keputusan yang terhasil dalam penyelidikan diterangkan mengikut persoalan penyelidikan yang telah disenaraikan di dalam Bab 1 Pengenalan.

Peringkat permulaan, analisa data dilakukan dengan pembacaan dokumen yang terlibat bertujuan mengkaji isu-isu yang timbul dan tema-tema yang berkemungkinan relevan bagi kajian ini. Seterusnya, analisa data dilakukan dengan menggunakan perisian Nvivo 11 dengan kaedah pengenalpastian tema mengikut jenis kemahiran untuk mengecilkan skop data supaya memperoleh kod lebih terurus dan bermakna berdasarkan arah tuju penyelidikan. Selepas itu, data yang telah dianalisa menerusi kaedah pengekodan dipindahkan ke dalam sebuah senarai. Analisa yang mendalam terhadap proses pengenalpastian domain dan elemen kebolehkerjaan industri pembinaan dari sudut pandangan responden dicatat di dalam seksyen seterusnya. Kemudian, sebuah senarai elemen kebolehkerjaan bagi kursus Teknologi Pembinaan dihasilkan. Senarai yang berhasil ini menunjukkan setiap hubungan kategori elemen bersama-sama dengan lima elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan. Bagi proses ini, penggunaan perisian Nvivo telah membantu penyelidik dalam menguruskan dan menyusun data kualitatif kepada satu bentuk maklumat yang berguna dan relevan bagi penyelidikan ini. Senarai elemen yang terkandung di dalam senarai ini akan digunakan untuk membentuk item-item bagi borang soal selidik bagi tujuan pengesahan elemen-elemen kebolehkerjaan yang akan diedarkan kepada pakar dalam bidang pembinaan untuk proses pengesahan pakar.

Setelah melakukan analisa dokumen yang diikuti dengan temu bual bersama individu dalam industri bagi memperolehi elemen kebolehkerjaan dalam pembinaan, penyelidik telah membentuk item-item bagi mengesahkan elemen-elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan ini. Borang soal selidik yang telah ditambahbaik kemudiannya telah disahkan oleh pensyarah di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Tujuan pengesahan kandungan ini adalah untuk memastikan elemen-elemen yang didapati melalui kaedah temu bual adalah berkualiti dan tepat. Penyelidikan yang dilakukan penyelidik menumpukan terhadap elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan untuk rujukan pelajar Teknologi Pembinaan, guru Teknologi Pembinaan Kolej Vokasional serta majikan di dalam industri pembinaan.

Pengesahan item dilakukan menggunakan nisbah kesahan kandungan (CVR) melibatkan individu-individu yang berkecimpung dalam bidang pembinaan iaitu pakar kompetensi, penyelaras program Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional serta pengurus syarikat pembinaan yang berlainan dari proses temu bual yang telah dijalankan. Tujuan menggunakan responden yang lain daripada bidang yang sama adalah bagi mengelakkan berlakunya ketidakadilan atau prejudis dalam item-item yang terlibat. Pada peringkat ini, item yang mempunyai nilai mata kurang daripada 0.41 disingkirkan dari borang soal selidik. Manakala item yang mewakili elemen kebolehkerjaan yang memperoleh nilai mata lebih dari 0.41 dikekalkan dan dimasukkan ke dalam senarai. Di kesempatan ini juga, penyelidik menjalankan pengesahan bagi setiap domain berdasarkan purata berdasarkan interpretasi kappa bagi melihat tahap persetujuan antara pakar (*inter-rater agreement*) terhadap kesemua panel yang terlibat. Proses ini bertujuan untuk melihat tahap persetujuan mereka terhadap setiap elemen yang terkandung dalam senarai elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan.

4. PERBINCANGAN

4.1 Persoalan Kajian 1: Apakah elemen kemahiran kebolehkerjaan bagi kursus Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional?

Kajian ini hanya memfokuskan kepada lima elemen kemahiran kebolehkerjaan iaitu kemahiran berkomunikasi; kemahiran menggunakan teknologi; kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat; kemahiran memahami budaya; dan kemahiran teknikal. Hal ini kerana kemahiran-kemahiran ini menjadi pilihan dokumen-dokumen dan buku rujukan yang telah dianalisa. Antaranya adalah Muhammad Hazrul Ismail (2012); Pramela Krish, et al (2012); Noorasiah Sulaiman & Nursaliha Abd Ghafar (2019); Maniam & Liong (2007); Shaharuddin Ahmad (2014); Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan & Nor Aisyah Buang (2010); Adi Irfan Che Ani (2014); Norazila Mat (2015) dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2017). Dokumen-dokumen dan buku-buku rujukan ini digunakan dalam proses sorotan bagi meneroka domain-domain kebolehkerjaan dalam industri pembinaan.

4.2 Persoalan Kajian 2: Apakah elemen kemahiran yang diperlukan dalam industri pembinaan?

Pada peringkat ini, elemen kebolehkerjaan yang telah dikenal pasti melalui analisa dokumen dan temu bual yang dijalankan dipindahkan ke dalam senarai elemen kebolehkerjaan untuk para graduan Teknologi Pembinaan bagi meneruskan profesion dalam industri pembinaan. Kemudian, sebuah senarai elemen kebolehkerjaan bagi kursus Teknologi Pembinaan terhasil. Senarai yang terhasil ini menunjukkan setiap hubungan kategori elemen bersama-sama dengan lima elemen kebolehkerjaan dalam industri pembinaan.

ELEMEN KEBOLEHKERJAAN INDUSTRI PEMBINAAN					
KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI					
Kemahiran komunikasi yang perlu dikuasai :					
Kemahiran Berkomunikasi Secara Lisan		Kemahiran Bahasa			
KEMAHIRAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI					
Aplikasi yang perlu dikuasai :					
Autocad	Sketch Up	IBS	BIM		
WBS	Microsoft Word	Microsoft Excel	Microsoft Powerpoint		
KEMAHIRAN MENGURUS, MEMILIH DAN MENGANALISA MAKLUMAT					
Maklumat yang perlu diketahui :					
Pelan	Kertas Kerja	Laporan	Dokumen Tender		
Arahan Berdokumen					
KEMAHIRAN MEMAHAMI BUDAYA					
Budaya yang perlu dipraktikkan :					
Ketepatan Masa	Pembahagian Masa	Tanggungjawab	Budaya Bekerja		
KEMAHIRAN TEKNIKAL					
Kemahiran yang perlu dikuasai :					
Membaca Pelan	Membuat Kertas Kerja dan Laporan	Mengetahui Skop Tugas Kerja	Mengisi Sebut Harga		
Menerima dan memberi arahan					

Rajah 1: Senarai Elemen Kebolehkerjaan dalam Industri Pembinaan

5. KESIMPULAN

Penyelidikan yang dijalankan adalah tentang pendedahan terhadap elemen kebolehkerjaan graduan diploma Kolej Vokasional dalam industri pembinaan. Terdapat juga beberapa teori yang menyatakan beberapa sebab yang menjadi punca kepada kurang kemahiran kebolehpasaran graduan diploma ini setelah mereka menamatkan pengajian di Kolej Vokasional. Ketidaksesuaian antara penawaran dan permintaan di pasaran buruh siswazah mengakibatkan banyak isu tidak hanya berkaitan dengan peranan institusi pengajian tinggi dan rancangan pengajian mereka, tetapi juga dari segi kualiti graduan yang dilahirkan. Kesukaran mencari pekerjaan dikatakan bahawa pengangguran siswazah berkait rapat dengan kekurangan kemahiran kebolehkerjaan dan kebolehpasaran graduan memasuki pasaran buruh (Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin dan Norain Mat Lazim 2013). Oleh itu, kajian ini telah mengenalpasti beberapa elemen kemahiran kebolehkerjaan yang penting untuk dikuasi, diketahui, dan diperaktikkan oleh pelajar dan graduan KV khususnya bagi bidang Teknologi Pembinaan. Elemen-elemen kemahiran kebolehkerjaan dalam industri pembinaan yang dinyatakan dapat dijadikan rujukan buat pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini amat penting bagi graduan Kolej Vokasional bagi menyerlahkan diri bagi diterima bekerja di dalam bidang pembinaan.

RUJUKAN

- Kementerian Pengajian Tinggi. (2017). *Technical Vocational Education & Training (Tvet) In Malaysia: Selected Works*.
- McHugh, M. L. (2012). *Interrater reliability: The kappa statistic*. Biochimia Medica, 22, Page 276-282.
- Mok S. S., (2010). *Psikologi Pendidikan Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan, PROSIDING PERKEM VII, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak, 4 – 6 Jun 2012, JILID 2 (2012); 906 – 913.
- Noorasiah Sulaiman & Nursaliha Abd Ghafar. 2019. Analisis Hubungan Kemahiran dengan Kecekapan Teknik Firma Perkhidmatan di Malaysia, *Jurnal Pengurusan*, Vol. 55 (2019); 1-18.
- Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazi. (2013). *Persepsi Pelajar Prasiswa Terhadap Kebolehpasaran Graduan Dan Persaingan Dalam Pasaran Pekerjaan*. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16 (2013); 77-92.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Nornazira, S. (2016). *Competencies framework for culinary profession in Malaysian hotel sector*. Semantic Scholar. Diakses dari <https://www.semanticscholar.org/paper/Competencies-framework-for-culinaryprofession-in>
- Suhairom/93bba4d9cf468b66a05ced98a9a60a4a1428820f#paper-header
- Pramela Krish, Kamisah Osman, Subahan T. and Zanaton Iksan. (2014). *Persepsi Pelajar Prasiswa Program Pengajian Bahasa Inggeris Mengenai Kecekapan Kendiri Dalam Kemahiran Kebolehgajian Dalam Sektor Pekerjaan*, Kajian Malaysia, Vol. 32, No. 2, 2014, 93–112.

Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan, Nor Aisyah Buang. (2010). Penguasaan Kemahiran Insaniah (Kemahiran Keusahawanan) Dalam Kalangan Guru Sekolah Di Malaysia, *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI, Bandung, Indonesia*, 8-10 November 2010.